

## OPS CATUT 7.0: Premis dandanan dan gunting rambut patuh SOP

Jun 17, 2020 Ditulis oleh Media BaharuPublished in Nasional



**PULAU PINANG, 17 Jun** - 34 premis perniagaan dandanan dan gunting rambut diperiksa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, KPDNHEP Pulau Pinang.

Pengarahnya, Mohd Ridzuan Ab Ghappar berkata, pemeriksaan mendapati majikan serta pekerja mematuhi prosedur operasi standard, SOP yang ditetapkan sejak sektor ini mula beroperasi.

Beliau menambah, pihak kementerian tidak mengawal caj bagi perkhidmatan dandanan dan gunting rambut.

Namun pemilik perniagaan perlu mematuhi undang undang yang dikuatkuasakan dari segi tanda harga serta kenaikan yang tidak munasabah.

Dalam pada itu, KPDNHEP negeri telah melakukan pemeriksaan ke atas 5,504 premis setelah mendapati 291 aduan yang diterima.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/19249-ops-catut-7-0-premis-dandanan-dan-gunting-rambut-patuh-sop>